

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KONGRES PENTADBIR HAL EHWAL ISLAM  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGERI PAHANG  
PADA HARI KHAMIS, 21 JANUARI 2016, PUKUL 4.00 PETANG  
DI DEWAN SENAT, KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA, UMP PEKAN**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Di Hormati Orang Kaya Indera Pahlawan,

Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Wan Haji Hassan,

Timbalan Yang Dipertua

Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang;

Yang Hormat Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Osman,

Mufti Kerajaan Negeri Pahang;

Yang Hormat Dato' Haji Mohamad Noor Abdul Rani,

Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang;

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhammad Idris Saleh,  
Pengerusi Majlis Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Haji Mohammad Mokhzani Mukhtar,  
Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Dato' Haji Halidan Md Daud,  
Pengurus Besar Kanan Pusat Kutipan Zakat Pahang;

Yang Berbahagia Dr. Yusri Mohamad,  
Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia;

Yang Berbahagia Encik Isa Abdul Hamid,  
Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang;

Dr. Mahyuddin Ismail,  
Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan UMP;

Encik Bunyamin Abdul Ghani,  
Penolong Pengarah (Penyelidikan),  
Jabatan Agama Islam Pahang;

Ketua-ketua Pentadbir Hal Ehwal Islam

Institusi Pengajian Tinggi Negeri Pahang;

Warga Kongres yang dikasihi,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh,*

Salam sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

### **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat bersama para tetamu kenamaan dan hadirin sekalian dalam Majlis Perasmian Penutup Kongres Pentadbir Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Negeri Pahang pada petang ini.

2. Selaku tuan rumah, saya bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP amat mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan para tetamu kenamaan serta hadirin sekalian ke Kongres yang julung-julung kali diadakan ini.
  
3. Permufakatan antara Pusat Islam & Pembangunan Insan UMP bersama pihak berkepentingan seperti Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Majlis Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan lain-lain telah membolehkan edisi sulung Kongres ini berjalan lancar sejak pembukaannya pada 20 Januari 2015.
  
4. Komposisi penyertaan Kongres yang meliputi para Ketua Pentadbir dan lain-lain pegawai yang bertanggungjawab terhadap urusan hal ehwal Islam daripada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta yang beroperasi di negeri Pahang menyediakan platform pewacanaan minda yang ampuh dalam mendukung aspirasi dan semangat penganjuran persidangan ini.

5. Tidak sekadar itu, penyertaan wakil-wakil agensi kerajaan, pertubuhan serta badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan urusan dasar, pentadbiran dan dakwah Islamiah turut membuka perspektif yang lebih lebar dalam konteks diskusi dan pertimbangtelitian isu secara multidimensional sepanjang Kongres ini berlangsung.

### **KETERANGKUMAN DAN KESEJAGATAN WACANA**

6. Yang Hormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hemat saya, kepelbagaian latar belakang dalam komposisi penyertaan tersebut adalah amat positif dari sudut keterangkuman (*inclusiveness*) dan kesejagatan (*universality*) isu dan masalah yang memerlukan perhatian bersama dengan keupayaan untuk mengemukakan gagasan penyelesaian yang komprehensif, realistik dan praktikal sejajar dengan anjuran syarak.

7. Sehubungan dengan itu, saya percaya bahawa ruang masa sepanjang Kongres ini telah dimanfaatkan sebijaksananya dengan mengutamakan isu-isu kontemporari ummah yang memerlukan perhatian strategik para pentadbir hal ehwal Islam di kampus. Ini termasuklah penularan ajaran songsang yang menyesatkan aqidah, ancaman militan, gejala sosial, Islamophobia dan pertembungan gelombang pemikiran dalam pentafsiran agama.
8. Sebagai hasil daripada pewacanaan isu-isu kontemporari ummah tersebut, maka kerangka strategik pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam dapat diwujudkan di setiap Institusi Pendidikan Tinggi bagi manfaat dan rujukan warga kampus yang berkenaan secara lestari.
9. Keupayaan bertindak secara strategik ini adalah pemangkin transformasi urustadbir hal ehwal Islam di kampus-kampus institusi pendidikan tinggi yang membolehkannya beroperasi di luar konteks rutin, iaitu tidak terhad kepada mengurus masjid semata-mata.

10. Justeru, saya melihat bahawa cabaran utama yang perlu ditangani dalam kalangan pentadbir hal ehwal Islam di kampus ialah untuk membentuk budaya kerja cemerlang yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi dalam kalangan pengoperasi sistem tersebut berpaksikan pemikiran transformasional yang kreatif dan inovatif.
  
11. Oleh kerana kampus-kampus institusi pendidikan tinggi dihuni sebahagian besarnya oleh generasi muda, maka cabaran bagi para pentadbir hal ehwal Islam di sana ialah kebijaksanaan memilih pendekatan dakwah dan tarbiyah yang sepadan dengan kumpulan umur tersebut. Ini tentu sekali menuntut para pentadbir hal ehwal Islam di kampus untuk terlebih dahulu memahami kepelbagaian latar belakang sosial dan asuhan awal para pelajar dalam menentukan kaedah dakwah dan tarbiyah yang tepat dan hikmah.
  
12. Sekiranya pendekatan transformasional yang dinamik ini dapat direalisasikan, maka saya amat yakin bahawa pentadbiran hal ehwal Islam di kampus-kampus institusi pendidikan tinggi dapat diangkat sebagai sebuah entiti yang disegani kerana hikmah, tertib dan santun gerak tindakannya dengan dipandu oleh profesionalisme dan kualiti.

13. Wibawa dan reputasi tersebut sekaligus akan memberikan gambaran yang lebih positif terhadap pentadbiran hal ehwal Islam di institusi-institusi pendidikan tinggi, bukan hanya dalam kalangan warga kampus, tetapi dalam kalangan masyarakat luar kampus.
14. Sekiranya hasrat tersebut dapat dilaksanakan, maka kepentingan pentadbiran hal ehwal Islam dalam menjuarai agenda intervensi spiritual bagi menjana kecemerlangan warga kampus dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek akan dihargai kewujudannya.
15. Dalam konteks ini, Universiti Malaysia Pahang komited untuk terus memperkasa peranan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab yang berupaya menampilkan nilai-nilai Islam dalam erti kata yang sebenarnya bagi membentuk kemenjadian warga Universiti ini sebagai insan yang gemilang. Justeru, pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 turut memerlukan komitmen tinggi dan penglibatan konstruktif PIMPIN bagi merealisasikan aspirasi tersebut.



## **KOMITMEN UMP DAN HARAPAN**

16. Yang Hormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Penganjuran edisi sulung Kongres ini turut membuktikan komitmen tinggi UMP dalam mendukung agenda pemantapan pengurusan hal ehwal Islam sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan. Dalam konteks ini, UMP sentiasa komited untuk menyokong dan memudahcara inisiatif-inisiatif berkaitan pengembangan Islam, baik dari sudut operasi pentadbiran, mahu pun dari sudut kajian ilmiah yang mampu memberi impak yang besar kepada ummah.

17. Dalam hubungan tersebut, Universiti sentiasa bersedia untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa agama, sama ada di peringkat negeri mahu pun Persekutuan bagi meninjau ruang dan peluang strategik yang boleh diusahakan secara kolektif sama ada dalam jangka masa pendek mahu pun panjang.

18. Mengakhiri ucapan, saya berharap bahawa edisi sulung Kongres ini telah mencapai matlamat penganjurannya sebagaimana yang dihasratkan. Saya percaya, kejayaan tersebut mengisyaratkan pula keperluan untuk penganjuran edisi-edisi seterusnya Kongres ini pada masa hadapan. Justeru, sokongan dan kerjasama semua pihak yang berkaitan adalah amat penting bagi memastikan kelangsungan usaha murni ini dengan skop penyertaan yang lebih lebar.
  
19. Sebagai tuan rumah, pihak pengurusan UMP melalui Pusat Islam & Pembangunan Insan telah berusaha sedaya upaya untuk memberi khidmat terbaik bagi memastikan keselesaan warga Kongres sekalian. Justeru, jutaan ampun dan maaf dipohon sekiranya terdapat sebarang kekurangan sepanjang dua hari pelaksanaan Kongres ini. Mudah-mudahan jaringan profesional yang dijalinkan dalam Kongres ini akan menatijahkan pula inisiatif-inisiatif peringkat inter-institusi hasil komitmen bersama, *Insyaa-Allah*.

20. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya menutup edisi sulung Kongres Pentadbir Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Negeri Pahang dengan rasminya.

Sekian, *wabillahi tawfiq walhidayah*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*